

06 OCT 1996

Masing-Dana

SEMUA PENDUDUK BELAGA LAYAK NIKMATI TABUNG AMANAH BAKUN

KUCHING, 6 Okt (Bernama) -- Semua penduduk daerah Belaga layak memohon bantuan kewangan bagi membiayai pendidikan dan latihan daripada Tabung Amanah Bakun mulai awal tahun depan.

Pengerusi tabung berkenaan, Dr James Jemut Masing hari ini berkata mereka yang layak termasuk anak-anak penduduk daerah berkenaan yang bekerja di tempat lain daripada semua kaum.

Bercakap kepada pemberita pada satu perlawanan bola sepak persahabatan anjuran pergerakan Wanita Parti Bansa Dayak Sarawak di sini, Masing, yang juga Menteri Pelancongan Sarawak berkata, keputusan itu diambil pada mesyuarat pertama jawatankuasa tabung itu pada 3 Sept.

"Ini kerana semua penduduk di daerah berkenaan, termasuk penghuni rumah-rumah panjang yang akan ditenggelami oleh empangan itu nanti, akan terjejas apabila Projek Hidroelektrik Bakun dilaksanakan awal tahun depan," kata beliau.

Tabung Amanah Bakun dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 7 Sept di Sibu yang bertujuan menyediakan kemudahan biasiswa dan latihan kepada penduduk Belaga.

Jemut yang juga naib presiden PBDS berkata, di samping menyediakan biasiswa untuk pendidikan di institusi pengajian tinggi, penduduk Belaga yang memerlukan latihan-latihan lain seperti mendapatkan lesen memandu lori, akan turut diberikan bantuan.

Beliau berkata pusat-pusat yang menyediakan latihan dalam bidang kerja yang berkaitan dengan pembinaan Projek Hidroelektrik Bakun akan turut ditubuhkan.

Menurut beliau, Kerajaan Sarawak dan Persekutuan masing-masing menyumbangkan RM5 juta kepada tabung berkenaan di samping RM5 juta yang diterima daripada Bakun Hydro-Electric Corporation, syarikat yang akan melaksanakan projek berkenaan. Tabung itu diuruskan oleh Yayasan Sarawak.

Beliau berkata mereka yang ingin mendapatkan bantuan kewangan perlu memohon dengan mengisi satu borang khas.-- BERNAMA

AHM MZ OBA